

# Rerurai diserbu gara-gara WTD

**PUTRAJAYA** - Orang ramai menyerbu reruai Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang dibuka di ruang legar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di sini semalam bagi pameran dan semakan Wang Tak Dituntut (WTD) susulan tular mengenai perkara tersebut di media sosial.

Tinjauan mendapati penduduk Putrajaya dan kawasan sekitarnya serta penjawat awam dari kementerian berhampiran beratur seawal kira-kira jam 9 pagi walaupun sesi tersebut hanya bermula pada jam 11 pagi hingga 3 petang.

Kakitangan yang bertugas di kaunter berkata, mereka beroperasi lebih awal dari masa ditetapkan memandangkan ke-

hadiran begitu ramai orang yang ingin melakukan semakan di lapangan kaunter Pendaftar WTD yang dibuka.

“Kita menerima kunjungan yang amat ramai pada hari ini dan mula membuka kaunter sekitar jam 10 pagi.

“Namun orang ramai perlu tahu bahawa semakan WTD juga boleh dibuat bila-bila masa pada waktu pejabat di Bahagian Pendaftar Wang Tak Dituntut, Tingkat 42, Menara Maybank, Kuala Lumpur,” katanya.

Beliau berkata, semakan hanya boleh dibuat sendiri oleh pemilik akaun dengan hanya membawa kad pengenalan dan WTD akan dipindahkan terus ke mana-mana akaun mereka yang aktif.

Foto: BERNAMA



Orang ramai menyerbu reruai Jabatan Akauntan Negara yang dibuka di ruang legar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, semalam.